

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

SOALAN

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif Kerajaan bagi menjayakan hari Jumaat sebagai hari penggunaan tulisan jawi.

JAWAPAN : **(YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Tulisan jawi adalah platform untuk mengembalikan sejarah warisan negara kerana Bahasa Melayu secara khususnya menggunakan tulisan itu sebagai medium rasmi sama ada dalam hubungan antara negara mahu pun masyarakat setempat. Semangat ini perlu ada pada setiap diri rakyat Malaysia untuk mengekalkan tradisi dan budaya kita yang sepatutnya disokong oleh semua kaum kerana jawi bukan hak Melayu tetapi warisan kita sebagai rakyat Malaysia.

Dalam merealisasikan hasrat itu, maka Jabatan Perdana Menteri telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

1. Mencetuskan program Semarak Jawi pada 4 September 2019 sebagai satu usaha memperkasakan tulisan berkenaan dalam kalangan

agensi agama di Jabatan Perdana Menteri. Program Semarak Tulisan Jawi ini juga bertujuan memperluaskan penggunaan tulisan Jawi dalam pelbagai urusan di agensi-agensi berkenaan dan secara tidak langsung menjadikan tulisan berkenaan tidak terpinggir.

2. Mengisyiharkan hari Jumaat sebagai hari penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan agensi agama.
3. Penggunaan tanda nama jawi bagi setiap pegawai dan kakitangan agensi agama pada setiap hari Jumaat.
4. Menetapkan 25 peratus daripada poster-poster program JAKIM mestilah dalam tulisan jawi.
5. Menggalakkan setiap agensi mengadakan program-program memperkasakan tulisan jawi di agensi masing-masing. Sebagai contoh, TV AlHijrah mula menggunakan tulisan jawi dalam dokumen pengurusan Sumber Manusia sebagai tanda sokongan kepada penggunaan tulisan itu pada setiap Jumaat. TV AlHijrah turut mendokong aspirasi ini dengan kempen menggunakan tulisan jawi dalam operasi harian termasuk di dalam platform penyiaran atau tugas harian di pejabat. Antara kempen tulisan jawi yang bakal diperlakukan oleh semua warga TV AlHijrah pada setiap hari Jumaat termasuklah memperluaskan tulisan itu dalam akaun media sosial masing-masing, seperti membuat hantaran menggunakan tulisan Jawi atau berkongsi gambar bersama papan tanda bertulisan jawi. Setiap minggu pula diadakan pertandingan tulisan jawi bagi pegawai dan kakitangan TV Al-Hijrah.
6. Penerbitan bahan-bahan dalam tulisan jawi. Antara agensi yang akan menerbitkan bahan penerbitan Jawi ialah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Bahan-bahan penerbitan itu termasuk buku dan buletin untuk edaran kepada orang ramai. Sekian, terima kasih.